



3 September 2012  
3 September 2012  
P.U. (A) 280

WARTAKERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN AGENSI-AGENSI KHUSUS  
(KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 2012

*SPECIALIZED AGENCIES (PRIVILEGES AND IMMUNITIES)  
REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 1992  
PERATURAN-PERATURAN AGENSI-AGENSI KHUSUS (KEISTIMEWAAN DAN  
KEKEBALAN) 2012

---

SUSUNAN PERATURAN

---

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran
3. Pengisytiharan Agensi-agensi Khusus sebagai organisasi antarabangsa
4. Keperibadian juridikal
5. Keistimewaan dan kekebalan
6. Penepian
7. Pembatalan

JADUAL

AKTA ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 1992

PERATURAN-PERATURAN AGENSI-AGENSI KHUSUS (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) dan 4(1), dan seksyen 6B dan 11 Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992 [*Akta 485*], Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Agensi-Agenzi Khusus (Keistimewaan dan Kekebalan) 2012.**

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"agenzi-agenzi khusus" ertinya organisasi yang dinyatakan dalam Jadual; dan

"pegawai" ertinya seseorang pegawai agensi khusus, selain pegawai tempatan yang diambil bekerja.

**Pengisytiharan Agensi-agenzi Khusus sebagai organisasi antarabangsa**

3. Agensi-agenzi khusus diisyiharkan sebagai organisasi antarabangsa.

**Keperibadian juridikal**

4. Agensi-agenzi khusus hendaklah mempunyai keperibadian juridikal dan apa-apa keupayaan di sisi undang-undang sebagaimana yang perlu bagi penjalanan kuasanya dan pelaksanaan fungsinya.

### **Keistimewaan dan kekebalan**

5. Agensi-agensi khusus dan wakil anggota, pegawai dan pakar dalam misinya hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Jadual Kelapan kepada Akta.

### **Penepian**

6. (1) Agensi-agensi khusus hendaklah mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada pegawai atau mana-mana orang yang sedang melaksanakan apa-apa misi bagi pihak agensi khusus jika, pada pendapatnya, kekebalan itu akan menghalang perjalanan keadilan dan kekebalan itu boleh diketepikan tanpa menjaskankan kepentingan agensi khusus itu.

(2) Sesuatu Negara Anggota atau ketua eksekutif suatu organisasi antarabangsa atau seberang laut hendaklah mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada mana-mana orang yang hadir di mesyuarat yang diadakan oleh agensi khusus jika, pada pendapat Negara Anggota atau ketua eksekutif suatu organisasi antarabangsa atau seberang laut itu, kekebalan itu akan menghalang perjalanan keadilan dan kekebalan itu boleh diketepikan tanpa menjaskankan maksud yang baginya kekebalan itu diberikan.

### **Pembatalan**

7. Peraturan-Peraturan Agensi Khusus (Keistimewaan dan Kekebalan) 2009 [P.U. (A) 249/2009] dibatalkan.

### JADUAL

#### AGENSI-AGENSI KHUSUS [Peraturan 2]

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)

Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO)

Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO)

Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)